



LEMBAGA AHLI GEOLOGI MALAYSIA

BOARD OF GEOLOGISTS MALAYSIA
LANTAI 19, BANGUNAN TABUNG HAJI
JALAN TUN RAZAK
50658 KUALA LUMPUR, MALAYSIA

Faks : 03-21611184
email: info@bog.gov.my
website: www.bog.gov.my

[Ditubuhkan di bawah Akta 689 – Akta Ahli Geologi 2008]

Ruj. Kami: LAGM/PP/500/1 (3)

Tarikh : 7 November 2016

Kepada:
Semua Ahli Geologi Berdaftar

LEMBAGA AHLI GEOLOGI - NOTIS PEMBAHARUAN PERAKUAN PENDAFTARAN 2017

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa perakuan pendaftaran tuan/puan sebagai Ahli Geologi berdaftar akan tamat pada 31.12.2016 dan perlu diperbaharui. Oleh yang demikian, tuan/puan adalah dikahendaki mengemukakan permohonan pembaharuan tersebut beserta fi pembaharuan masing-masing sebelum atau pada **31.1.2017**.

2. Pembaharuan pendaftaran Ahli Geologi Profesional / Ahli Geologi Siswazah / Pengamal / Ahli Geologi Asing bagi tahun 2017 boleh dibuat seperti keterangan di bawah:

- (i) Borang F yang telah lengkap diisi.
- (ii) Bayaran Fi Pembaharuan adalah seperti dalam jadual berikut:

Kategori	Fi Pembaharuan	Tarikh akhir pembaharuan pendaftaran tahunan
Ahli Geologi Siswazah	RM50.00	31 Januari pada tahun berikutnya selepas tahun daftar berakhir
Ahli Geologi Profesional	RM200.00	31 Januari pada tahun berikutnya selepas tahun daftar berakhir
Pengamal	RM200.00	31 Januari pada tahun berikutnya selepas tahun daftar berakhir
Ahli Geologi Asing	RM1000.00	31 Januari pada tahun berikutnya selepas tahun daftar berakhir

3. Sila ambil perhatian bahawa jika pendaftaran dengan BoG tidak diperbaharui, adalah menjadi kesalahan bagi tuan/puan yang menjalankan amalan geologi atau memberi perkhidmatan sebagai seorang Ahli Geologi Berdaftar seperti yang diperuntukan didalam Seksyen 23 Akta Ahli Geologi 2008. Juga sekiranya tuan/puan gagal

memperbaharui pendaftaran dengan BoG, pendaftaran tuan/puan akan dibatalkan secara automatik berkuatkuasa **1.2.2017** dan tindakan akan diambil untuk mengeluarkan nama tuan/puan dari Daftar Lembaga Ahli Geologi Malaysia.

4. **Sijil Perakuan Pendaftaran 2017** hanya akan dikeluarkan setelah **Borang F diterima** dan **bayaran fi dijelaskan**. Bayaran boleh dibuat kepada 'Lembaga Ahli Geologi' (Akaun Maybank No. 564052522670) dengan jumlah bayaran yang ditetapkan secara tunai/online/kiriman wang/draf bank/cek.

5. Tuan/puan juga diminta mengemaskini alamat surat-menyurat sebagaimana yang dikehendaki di bawah Seksyen 32 Akta Ahli Geologi 2008. Kegagalan memberitahu tanpa alasan yang munasabah, apabila disabitkan, boleh diambil tindakan seperti subseksyen 32(1).

Sekian, terima kasih.

Dengan Perintah Lembaga,

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Hamadi' with a stylized flourish at the end.

HAMADI CHE HARUN, P.Geol

Pendaftar,
Lembaga Ahli Geologi
Malaysia.